

OPERATIONS REVIEW Soft Drinks
KAJIAN OPERASI Minuman Ringan

Industry Awards

These successful marketing strategies were rewarded in 2002 when **F&N**'s soft drinks were named Malaysia's No. 1 Family Brand (based on 2001 sales). **F&N** brands were ranked 10th overall among the Top 100 Brands in the country. The awards were bestowed by researcher AC Nielsen under its inaugural campaign "to recognise the best" in Malaysia.

The soft drinks division was again in the limelight in 2002 when it was the recipient of **Giant Hypermarket's Giant Supplier of the Year** award for the **Best Supplier** (beverage category) and its **Appreciation Award** for category management.

Intensified marketing of the **100PLUS Outdo Yourself** campaign enhanced product awareness with sponsored events including the high-profile **100PLUS EnduRun**. This event was organised in conjunction with the Queen's Jubilee Baton Relay ahead of the Manchester 2002 Commonwealth Games.

Another highly successful sports event was the **100PLUS Junior Golf Tournament**. The tournament gave a substantial boost to the promotion of junior golf in the country and gained the endorsement of the Malaysian Golf Association.



12



Giant Supplier of the Year 2001 awards
for the Best Supplier (beverage category) and
Appreciation Award (management category).

Anugerah Pembekal Terbaik Giant Tahun 2001
bagi kategori minuman dan Anugerah
Penghargaan bagi kategori pengurusan.



Coca-Cola's Superbrand award for the 4th consecutive year.

Anugerah Coca-Cola Superbrand bagi 4 tahun berturut-turut.

Mr Ng Jui Sia from Soft Drinks (left) and Mr Edward Liew from Dairies Division (right) with the AC Nielsen awards.

En Ng Jui Sia daripada Minuman Ringan (kiri) bersama
En Edward Liew daripada Bahagian Tenusu (kanan)
dengan anugerah AC Nielsen.

Anugerah Industri

Strategi-strategi pemasaran yang berjaya ini telah dianugerahkan pada 2002, apabila minuman ringan **F&N** telah dipilih sebagai Jenama Keluarga Nombor Satu Malaysia (berdasarkan jualan 2001). Jenama-jenama **F&N** telah mendapat tempat ke sepuluh secara keseluruhannya di antara 100 jenama utama di negara ini. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh syarikat penyelidik AC Nielsen di bawah kempen yang julung kali diadakan untuk "mengiktiraf yang terbaik" di Malaysia.

Bahagian minuman ringan sekali lagi mencapai kejayaan pada 2002 apabila menerima **Anugerah Pembekal Terbaik Giant** (kategori minuman) daripada Pasar Raya Besar Giant. Bahagian ini turut memenangi **Anugerah Penghargaan** bagi kategori pengurusan.

Pemasaran yang lebih intensif bagi kempen **Atasi Segalanya 100PLUS** telah meningkatkan lagi kesedaran jenama tersebut menerusi pelbagai acara tajaan, termasuk **100PLUS EnduRun** yang mendapat perhatian ramai. Acara tersebut telah diadakan sempena Queen's Jubilee Baton Relay yang diadakan sebelum Sukan Komanwel 2002 Manchester.

OPERATIONS REVIEW Soft Drinks
KAJIAN OPERASI Minuman Ringan

The 2002 World Cup proved an ideal platform for showcasing **Coca-Cola's** sponsorship of the world's biggest sporting extravaganza. Included among numerous other consumer and trade oriented programs were:

- **Coca-Cola** Cyberscore World Cup;
- World Cup Flagbearers Program;
- **Coca-Cola** Football Fest and 7-Eleven Outlet Display

The soft drinks division scored a "first" in the Fast Moving Consumer Goods (FMCG) field with its Partner Rewards Program. This program mirrored the company's commitment to Total Quality Management. The program has significantly improved manufacturing productivity and national recognition was gained by the soft drinks division's participation at the 2002 National Quality Control Convention.

The Electronic Sales and Distribution system, a value chain initiative, was extended following the successful pilot launch to capture the "pulse" of our business partners' distribution and sales processing and order system to provide them with on-line access to our supply chain infrastructure.



100PLUS EnduRun.

100PLUS EnduRun.

100PLUS Junior Golf Tournament.

Pertandingan Golf Remaja 100PLUS.

Queen's Jubilee Baton Relay ahead of the Manchester 2002 Commonwealth Games.

Queen's Jubilee Baton Relay yang diadakan sebelum Sukan Komanwel 2002 Manchester.

Satu lagi acara sukan yang begitu berjaya ialah **Pertandingan Golf Remaja 100PLUS**. Pertandingan ini telah menggalakkan kegiatan golf remaja tempatan dan juga mendapat pengiktirafan Persatuan Golf Malaysia.

Piala Dunia 2002 merupakan landasan yang sesuai untuk memaparkan tajaan **Coca-Cola** dalam temasya sukan paling hebat di dunia. Antara pelbagai program pengguna dan perdagangan yang diadakan termasuk:

- **Coca-Cola** Cyberscore World Cup;
- Program Pembawa Bendera **Coca-Cola**;
- Pesta Bola Sepak **Coca-Cola** dan Peragaan di Kedai 7-Eleven

Bahagian minuman ringan mencatatkan "sejarah" dalam bidang Barang Pengguna Laris (BPL) menerusi Program Ganjaran Penggunanya. Program tersebut mencerminkan komitmen syarikat terhadap Pengurusan Kualiti Menyeluruh. Program ini telah meningkatkan produktiviti pengeluaran secara mendadak dan membolehkan bahagian minuman ringan mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan menerusi penyertaannya di Konvensyen Kawalan Kualiti Kebangsaan 2002.

Sistem Jualan dan Pengagihan Elektronik, satu inisiatif rangkaian yang bernilai telah dilanjutkan berikutan kejayaan pelancaran percubaannya bagi mempelopori corak dan sistem bekalan serta proses jualan dan pemintaan rakan-rakan perniagaan kami. Sistem ini bertujuan untuk menghubungkan mereka dengan infrastruktur rangkaian perbekalan kami secara lansung.